

12/09/2003

Bajet 2004 pulihkan peranan swasta bangunkan ekonomi

Abdul Halim Yusoff

PETANG ini rakyat di seluruh negara pasti tertumpu di depan televisyen atau radio bagi mendengar ucapan Bajet 2004.

Walaupun bajet dibentangkan setiap tahun, kali ini ia sesuatu yang istimewa kerana Bajet 2004 adalah yang terakhir dibentangkan kerajaan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Oleh itu, ucapan bajet kali ini dianggap amat penting kerana selain mencadangkan langkah kewangan dan fiskal bagi menggerakkan ekonomi dalam situasi semasa, ia juga dijangkakan mengandungi amanat Dr Mahathir iaitu Bapa Pembangunan Malaysia untuk dijadikan panduan pemimpin seterusnya dalam membentuk hala tuju ekonomi dan kemajuan Malaysia dalam tempoh jangka panjang.

Felo Penyelidik Kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Azmi Setapa, berpendapat Bajet 2004 dijangka terus memberikan perhatian kepada usaha mengembangkan ekonomi menerusi pengukuhan permintaan dalam negeri.

Tumpuan akan diberikan untuk merangka strategi bagi membolehkan sektor swasta kembali berperanan sebagai enjin pertumbuhan dan meningkatkan daya saing negara bagi menarik kemasukan pelaburan asing (FDI).

Kerajaan dijangka terus berbelanja bagi mencergaskan kegiatan ekonomi domestik menerusi pelbagai projek pembangunan yang mempunyai kesan limpahan yang besar.

Oleh itu, Bajet 2004 dijangkakan masih defisit, tetapi kadarnya terkawal kerana dianggarkan tidak akan melebihi empat peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Malaysia dijangka terus merekodkan bajet defisit sehingga 2007. Bagaimanapun, defisit itu tidak membimbangkan kerana kerajaan mampu menampungnya berikutan kos mendapatkan dana ketika ini adalah rendah berikutan kecairan yang tinggi di pasaran.

"Pada bajet kali ini kerajaan terus memberikan tumpuan supaya sektor swasta kembali memainkan peranan sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara," kata Azmi.

Beliau berkata, ia akan dilakukan menerusi pelbagai galakan dan insentif pelaburan serta perdagangan yang diperkemaskan bagi mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif, pada masa sama mengurangkan kos melaksanakan perniagaan di Malaysia.

Setakat ini kerajaan sudah melaksanakan pelbagai langkah termasuk menyediakan insentif galakan pelaburan, taraf perintis, kelonggaran syarat jawatankuasa pelaburan asing (FIC), geran perniagaan, pelepasan cukai dalam tempoh tertentu dan memudahkan proses kelulusan projek.

Selain insentif pelaburan, langkah popular untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan adalah cukai terutama cukai korporat. Cukai korporat dikatakan antara yang diambil kira pelabur sebelum membuat keputusan melabur di sesebuah negara.

Cukai korporat Malaysia yang kini pada kadar 28 peratus dianggap antara tertinggi di rantau ini berbanding 22 peratus di Singapura dan 25 peratus di Thailand.

"Kerajaan dijangka menurunkan lagi cukai korporat Malaysia tahun depan bagi meningkatkan daya saing negara.

"Walaupun akan kehilangan sedikit pendapatan, kerajaan mampu melaksanakannya melihatkan kepada faktor luaran dan pendapatan korporat tempatan yang bertambah baik," kata Azmi tanpa menyatakan anggaran pengurangan cukai korporat itu.

Ahli Ekonomi di MIDF-Sisma Sdn Bhd, Azrul Azwar berpendapat kerajaan mungkin mengurangkan dua peratus cukai korporat kepada 26 peratus, sejajar kadar serantau bagi meningkatkan daya tarikan Malaysia kepada pelabur

asing.

"Apa lagi yang lebih menarik kepada kita kerana Malaysia bukan lagi tempat untuk buruh murah, jadi potongan cukai korporat akan meningkatkan daya saing Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, Ketua Eksekutif Asia Unit Trust Bhd, Mushthaq Ahmad Ibrahim, mengutarakan pendapat berlainan.

Beliau menjangkakan kerajaan tidak akan menurunkan cukai korporat. Katanya, ini kerana sektor swasta tidak akan membelanjakan lebih wang hasil pemotongan cukai itu untuk mencergaskan kegiatan ekonomi secara keseluruhan.

"Berikutan keadaan persekitaran global yang masih tidak menentu, jika sektor swasta memperoleh lebih pendapatan daripada potongan cukai itu, ia hanya akan disimpan dan tidak dibelanjakan. Ini tidak menggerakkan ekonomi," katanya.

Selain cukai korporat, faktor lain yang boleh meningkatkan lagi daya saing Malaysia adalah langkah mengurangkan kos menjalankan perniagaan termasuk kadar sewa, kos pengangkutan dan bayaran penggunaan utiliti seperti telefon, air dan elektrik.

Kadar utiliti yang dikenakan di Malaysia secara relatifnya masih rendah berbanding negara serantau lain, tetapi jika diturunkan lagi dan diiringi pula penurunan cukai korporat, Malaysia akan menjadi magnet kepada pelabur asing.

"Kerajaan perlu terus berusaha memberikan potongan tambahan untuk penggunaan utiliti kepada perniagaan besar seperti yang dilakukan kepada sektor berkaitan pelancongan yang terjejas dengan wabak SARS menerusi potongan caj elektrik, bagi menarik lebih banyak pelaburan baru ke Malaysia" kata Azrul.

Selain isu berhubung pengembangan dan meletakkan ekonomi di landasan pertumbuhan meluas dalam jangka panjang, kerajaan dalam Bajet 2004 juga dijangka mengumumkan mengenai struktur tarif baru bagi sektor automotif.

Ia bertindak sebagai panduan bagi peserta industri automotif hala tuju beroperasi dalam persekitaran pasaran yang lebih terbuka.

Automotif antara industri terpenting yang mengukur kemakmuran ekonomi negara kerana ia memberikan petunjuk terhadap sentimen keyakinan pengguna berbelanja.

Sektor itu juga memberikan sumbangan pendapatan yang besar kepada kerajaan menerusi pelbagai kutipan cukai. Justeru, pemerhatian sempurna untuk memastikan kelangsungan sektor itu sudah tentu akan dititikberatkan.

Perbelanjaan pengguna adalah unsur pertumbuhan ekonomi yang kritikal, terutama bagi ekonomi kecil tetapi terbuka seperti Malaysia. Dalam keadaan sebegini ia tidak akan dapat bertahan jika permintaan luaran terjejas.

Justeru, cara terbaik menanganinya adalah dengan mempelbagaikan asas ekonomi dan mengukuhkan asas ekonomi domestik. Pendedahan kita terhadap permintaan luaran sekarang adalah tinggi dan ia tidak begitu baik.

Kerajaan perlu terus melaksanakan usaha tersusun agar perbelanjaan domestik yang kini 45 peratus daripada nilai KDNK dapat ditingkatkan.

Bagaimanapun, meningkatkan perbelanjaan pengguna dengan mengurangkan caruman KWSP tidak begitu disenangi ahli ekonomi. Mereka berpendapat langkah itu tidak sesuai di Malaysia kerana kita beroperasi pada guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran di bawah empat peratus.

Jadi, pengurangan kadar caruman adalah langkah anti produktif untuk perbelanjaan pengguna, kerana dalam tempoh jangka panjang simpanan pencarum terjejas.

Sebaliknya, mereka berpendapat kerajaan perlu terus menggesa majikan meningkatkan caruman ke paras lebih tinggi daripada 12 peratus sekarang.